

Isu peratusan pelajar perempuan lebih dari lelaki bukan yang perlu dibimbangkan

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**

hadieyda18@yahoo.com

UG 5-9-13 A2

KOTA KINABALU: Walaupun peratusan pelajar perempuan dan lelaki jauh berbeza terutama di institusi pengajian tinggi seperti kemasukan pelajar baru Universiti Malaysia Sabah (UMS), iaitu 70 peratus wanita dan 30 peratus lelaki, ia bukan isu yang perlu dibimbangkan.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Jainab Ahmad Ayid berkata memang dapat dilihat peratusan pelajar perempuan lebih tinggi berbanding lelaki dalam bidang akademik tetapi dalam bidang kemahiran, lelaki lebih ramai daripada perempuan.

Hampir 80 peratus pelajar dalam bidang kemahiran adalah lelaki berbanding wanita, yang hanya 20 peratus.

“Oleh itu, peratusan itu tidak perlu menjadi kebimbangan kita kerana wanita dan lelaki mempunyai kekuatan dalam bidang masing-masing,” katanya semasa berucap sempena Majlis Penutupan Forum ‘Power of Women, Power of Peace’ anjuran bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Brahma Kumaris Malaysia (Kota Kinabalu) di DBKK, di sini kelmarin.

Menurutnya, usaha melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai moral yang tinggi itu bukan terletak di bahu wanita sahaja, sebaliknya ia terletak di bahu kedua-dua pihak,

lelaki dan wanita.

Katanya, budaya moral itu perlu ditanam sejak kecil dalam usaha melahirkan masyarakat yang saling hormat-menghormati.

Katanya, berikutan keganasan terhadap wanita yang berlaku sejak kebelakangan ini, didikan moral seperti budaya saling menghormati itu amat penting.

“Kita perlu didik anak-anak kita menghormati orang lain tidak kira lelaki mahupun perempuan bagi memastikan mereka dapat menjalani kehidupan yang positif apabila dewasa kelak,” katanya.

Sekiranya sejak kecil dididik dengan budaya moral yang baik, beliau percaya apabila anak-anak ini membesar, mereka akan menghormati orang lain.